

B. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Beliau menghidap _____ asma sejak kecil lagi.
A pesakit B penyakit
2. Kita menyambut _____ pada tanggal 31 Ogos 1957.
A merdeka B kemerdekaan
3. Akibat ditimpa _____, anak-anak orang asli keciciran dalam pelajaran.
A miskin B kemiskinan
4. Pendengaran dan _____ nenek masih baik walaupun usianya mencecah 90 tahun.
A pelihatan B kelihatan
5. _____ belia dari desa ke bandar berlaku kerana kurangnya peluang di kampung.
A Perhijrahan B Hijrahan
6. Kenaikan harga barang berlaku akibat daripada _____ orang tengah yang tidak bertanggungjawab.
A mainan B pemain
7. _____ penduduk di desa melibatkan diri dengan pertanian.
A Kebanyakan B Kebanyakan
8. Para _____ pertandingan itu mempersembahkan tarian tradisional.
A peserta B perserta
9. Penduduk di kawasan _____ sudah dapat menikmati kemudahan Internet.
A pedalaman B pendalaman
10. Proses _____ sungai dilakukan untuk mengatasi masalah banjir di situ.
A pedalaman B pendalaman



Latihan Berbentuk Peperiksaan

A. Pilih jawaban yang paling sesuai.

1. Emak menjerang _____ untuk menghidangi ayah minuman kegemarannya.
A nasi B air C minyak D kopi
2. Para pekerja mencantas _____ di tepi jalan agar keselamatan pemandu terjamin.
A pohon B dahan C batang D pucuk
3. Emak sedang menganyam _____ untuk dijadikan sarung ketupat pulut.
A daun kesum B daun palas C daun pandan D daun kari
4. _____ antara kaum dapat dipupuk melalui aktiviti kokurikulum.
A Persatuan B Perdamaian C Perpaduan D Peraduan

5. Rakyat berasa sedih atas _____ sultan yang berjiwa rakyat di negara ini.
A pemergian B kemangkatan C kewafatan D kepergian
6. Adik demam akibat _____ semasa pulang dari sekolah semalam.
A hujan B menghujani C hujanan D kehujaan
7. Zizan mengalami _____ yang serius akibat kemalangan jalan raya semalam.
A sakit B kesakitan C pesakit D penyakit
8. Saya tidak mempunyai sebarang _____ keluarga dengan gadis yang cantik itu.
A tali B pertalian C talian D bertali
9. Kami tiba di balai _____ di lapangan terbang itu agak awal daripada jangkaan.
A lepasan B pelepasan C perlepasan D melepas
10. Ibu sering memberikan _____ agar saya tidak meninggalkan solat lima waktu.
A ingat B ingatan C ingatkan D peringatan

B. Kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat di bawah.

1. Pertandingan yang berlaku dalam kalangan murid dapat meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran. Tiada kesalahan.
A B C D
2. Sistem perairan yang baik di negara ini membolehkan penanaman padi dilakukan dua kali setahun. Tiada kesalahan.
A B C D
3. Kebanyakan remaja sudah tidak tahu bermain mainan tradisional kerana kurang dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Tiada kesalahan.
A B C D
4. Beliau membuat catitan ringkas maklumat yang diperoleh daripada ceramah yang didengarnya semalam. Tiada kesalahan.
A B C D
5. Janganlah kita mudah terpedaya dengan dakyah yang cuba disebarkan bagi meracuni pemikiran kita. Tiada kesalahan.
A B C D
6. Emak menyuruh adik menyapukan losyen pada kulitnya agar wajahnya kelihatan ceria dalam majlis itu. Tiada kesalahan.
A B C D